

09/02/2000

Gusmao minta bantuan semua bidang

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dijangka memainkan peranan lebih besar untuk membantu memulih serta membangunkan semula Timor Timur, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor (CNRT), Xanana Gusmao dan Naib Presidennya, Jose Ramos-Horta yang sedang melawat negara ini, meminta Malaysia memberi bantuan dalam semua bidang.

"Mereka kagum dengan pencapaian dan pembangunan Malaysia. Oleh itu, mereka memerlukan bantuan Malaysia bagi membolehkan negara Timor Timur yang akan merdeka nanti, dapat dibina menggunakan contoh dan pengalaman negara ini.

"Mereka minta kita bantu dalam bidang latihan, pengurusan, diplomasi dan teknikal. Mereka juga mahu Malaysia menambah pasukan kita di sana, dalam semua bidang memandangkan Malaysia bukan sahaja berkemampuan malah memahami suasana dan persekitaran negara itu.

"Mereka juga meminta bantuan kita menghantar doktor dan supaya kita melatih pegawai diplomatik serta memberikan biasiswa untuk pelajar Timor Timur memasuki universiti di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan hormat pemimpin kemerdekaan Timor Timur itu di Wisma Putra, di sini hari ini. Gusmao dan penerima Anugerah Keamanan Nobel, Ramos-Horta tiba di sini malam tadi.

Kedua-duanya juga sudah menemui pemimpin China, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Filipina. Petang ini, mereka menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya bilakah bantuan itu akan disalurkan, Syed Hamid berkata, pihaknya meminta pemimpin terbabit supaya mengemukakan butir lengkap mengenai permintaan itu bagi membolehkan Malaysia mengetahui jumlah sebenar.

"Kemudian, kita boleh halusi berdasarkan keupayaan yang ada kerana kita juga ada kekurangan. Mereka menyebut semua perkara yang diperlukan dan kita tahu keperluan itu... agak banyak.

"Kita akan hanya menerima sebahagian daripada kemahuan mereka kerana kita juga ada kekurangan. Kita sangat gembira mereka datang ke sini untuk merapatkan hubungan dua hala dengan Malaysia serta hubungan pelbagai hala dengan Asean," katanya.

Beliau berkata, pemimpin kemerdekaan Timor Timur itu tahu bahawa masa depan mereka terletak atas kerjasama negara rantau ini dan ini adalah satu perkembangan positif.

"Mereka meminta bantuan (dari Malaysia) dalam semua bidang. Mereka meminta doktor kita dihantar ke sana kerana mereka menyatakan bahawa doktor Malaysia lebih memahami keadaan di sana serta berupaya untuk berhubung dengan masyarakat setempat berbanding orang (negara) lain.

"Kita setuju untuk menghantar seorang pegawai kanan kementerian ke Dili untuk melatih ahli diplomat negara itu dalam bidang protokol dan kaunseling," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak yang turut dikunjungi kedua-dua pemimpin kemerdekaan Timor Timur itu berkata, bantuan yang diberikan kepada negara itu kemungkinan dikendalikan oleh anggota tentera Malaysia seperti pembinaan sekolah, jambatan dan sektor kesihatan.

"Satu pasukan yang terdiri daripada tentera biasa dan juga kumpulan jurutera kita selain kor kesihatan, boleh memberi bantuan kepada

masyarakat tempatan di sana. Bagaimanapun, semua cadangan ini tertakluk kepada persetujuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) danm kelulusan kerajaan Malaysia," katanya.

Katanya, Timor Timur menghadapi tekanan dalam keadaan yang telah mereka lalui selama ini dan dengan itu, tumpuan adalah penting kepada kerja-kerja pemulihan dalam semua aspek.

(END)